

Headline	Loji janakuasa Jimah kini 75peratus sia		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 Apr 2018	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Ekonomi	Page No	18
ArticleSize	335 cm <sup>2</sup>	Journalist	NUR
PR Value	RM 19,863		



# Loji janakuasa Jimah kini 75% siap

Oleh NUR HANANI AZMAN  
 ekonomi@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR 3 April** - Pembinaan loji tenaga Jimah East Power (JEP) di Jimah, Port Dickson, Negeri Sembilan oleh Tenaga Nasional Bhd. (TNB) kini mencapai status 75 peratus siap ekoran keupayaan dan kepakaran TNB membangunkan projek-projek penjanaan elektrik negara.

Menurut TNB, projek bernilai RM12 bilion itu dijangka siap mengikut jadual dan mencapai Tarikh Operasi Komersial seawal pertengahan 2019 (unit pertama janakuasa).

Katanya, ia bakal meningkatkan kapasiti penjanaan TNB untuk negara daripada 51.8 per-

tus kepada 53.2 peratus.

“Ia menggunakan teknologi *Ultra Supercritical*, teknologi pembakaran arang batu yang efisien dengan kecekapan 40 peratus berbanding sistem teknologi arang batu berhablur (*pulverised coal firing*) dengan 36 peratus kecekapan.

“Projek dua unit janakuasa dengan kapasiti 2,000 megawatt (mW) ini dapat mewujudkan peluang perniagaan dan pekerjaan kepada penduduk setempat,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Apabila siap sepenuhnya pada Disember 2019 (unit kedua dan terakhir janakuasa), ia akan meningkatkan jumlah keseluruhan penjanaan elektrik negara

kepada 26,897mW berbanding 24,138mW pada Disember 2017.

JEP menggunakan teknologi pembakaran arang batu dengan kecekapan 40 peratus berbanding 36 peratus kecekapan dicatatkan oleh sistem arang batu berhablur.

Jelas TNB, ditambah dengan penggunaan teknologi berstatis tinggi daripada syarikat multinasional Jepun dan Korea seperti Ihi, Toshiba, Hyundai dengan kerjasama Mitsui dan Chugoku, ia menjadikan projek JEP bertaraf dunia.

“Pembinaan stesen janakuasa elektrik berkenaan mampu menjadi pemangkin bagi menarik kehadiran lebih ramai pelabur ke negeri ini,” katanya.

Headline	Loji janakuasa Jimah kini 75peratus sia		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 Apr 2018	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Ekonomi	Page No	18
ArticleSize	335 cm <sup>2</sup>	Journalist	NUR
PR Value	RM 19,863		



APABILA siap kelak, Jimat East Power akan memiliki teknologi pembakaran arang batu *Ultra Supercritical* yang efisien dengan kecekapan 40 peratus berbanding sistem teknologi arang batu berhablur (*pulverised coal firing*) dengan 36 peratus kecekapan.